

Kertas Model Pra-PT3

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B, dan dua soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A

Jawab semua soalan.

[20 markah]

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan maksud sejarah.

History berasal daripada perkataan bahasa Yunani iaitu *historia*.

Apakah maksud perkataan *historia*?

- A Asal-usul
- B Riwayat
- C Salasilah
- D Penyelidikan

- 2 Gambar di bawah berkaitan dengan Batu Bersurat Terengganu.



(Sumber: <http://heritage.gov.my>, Dicapai pada 20 Mei 2019)

Penyelidikan dilakukan terhadap prasasti atau batu bersurat. Contohnya terhadap Batu Bersurat Terengganu yang menceritakan perihal hukum Islam.

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat di atas?

- A Kepelbagaian kaedah dalam penyelidikan
- B Kepentingan terhadap ilmu pengetahuan
- C Kepentingan tafsiran dalam sejarah
- D Kepelbagaian pendapat ahli sejarah

- 3 Apakah ciri-ciri Zaman Miosen?

- I Berlaku antara 5.3 juta hingga 2.6 juta tahun dahulu
- II Mamalia telah wujud
- III Suhu dunia panas dan kering
- IV Dataran tinggi telah mula terbentuk
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Kecairan air batu telah mempengaruhi pembentukan Selat Melaka, Teluk Siam dan Laut Jawa semasa Zaman

- A Miosen
- B Pliosen
- C Holosen
- D Pleistosen

- 5 Padanan yang manakah benar mengenai lokasi prasejarah di Malaysia?

	Zaman Prasejarah	Lokasi
I	Paleolitik	Gua Niah, Sarawak
II	Mesolitik	Lembah Mansuli, Sabah
III	Neolitik	Gua Cha, Kelantan
IV	Logam	Sungai Tembeling, Pahang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Pernyataan berikut berkaitan dengan penemuan ideofak manusia prasejarah di beberapa tapak perkuburan.

- Pengebumian memanjang di Gua Cha, Kelantan.
- Pengebumian memanjang di Gua Gunung Runtuh, Perak.

Mengapakah amalan tersebut dilakukan?

- A Penghormatan kepada orang yang telah mati
- B Permintaan daripada keluarga orang mati
- C Percaya terhadap hidup selepas mati
- D Percaya terhadap kelahiran semula

- 7 Mengikut Syed Muhammad Naquib al-Attas, tamadun merujuk kepada
 A Undang-undang
 B Kebudayaan luhur
 C Petempatan dan perbandaran
 D Pencapaian ilmu dan teknologi
- 8 Perkembangan manusia tamadun awal dunia membawa kepada pembentukan bandar yang mempunyai pelbagai fungsi. Kesan pembentukan bandar-bandar tersebut terhadap tamadun awal manusia ialah
 A kebanjiran penduduk desa di bandar
 B pembinaan lebih banyak bangunan
 C perebutan tanah oleh bangsawan
 D kemunculan negara kota
- 9 Maklumat berikut merujuk kepada aktiviti pertanian yang dijalankan oleh Orang Sumeria.
- Menebus guna tanah dengan membina sistem pengairan
- Apakah kesan langsung yang diperoleh masyarakat Sumeria melalui aktiviti tersebut?
 A Kekurangan tanah untuk petempatan
 B Pengawalan air sungai
 C Mengawal banjir
 D Membina bandar
- 10 Apakah punca kemerosotan tamadun Indus?
 I Bencana alam
 II Serangan orang Aryan
 III Penaklukan Mesir Purba
 IV Kematian raja
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 11 Apakah kepentingan mandat kepada raja yang memerintah Dinasti Huang He?
 A Membolehkan raja melakukan perluasan kuasa
 B Kebenaran daripada tuhan untuk memerintah
 C Pemberian kuasa untuk kutip cukai
 D Pengiktirafan oleh rakyat

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan masyarakat di Sparta dalam Tamadun Yunani.

Kanak-kanak seawal usia tujuh tahun dan kaum wanita dilatih menjadi anggota tentera.

Apakah nilai yang boleh dikaitkan dengan tindakan masyarakat Sparta tersebut?

- A Kerajinan
 B Berdisiplin
 C Bertanggungjawab
 D Taat setia kepada negara
- 13 Gambar di bawah menunjukkan binaan yang terdapat dalam Tamadun Rom.



Siapakah pemerintah yang membina bangunan ini?

- A Marcus Visanius Agrippa
 B Marco Vitruvius
 C Augustus
 D Vespian
- 14 Bagaimanakah Kerajaan Magadha berjaya menjadi kuasa yang penting dalam Tamadun India?
 I Penguasaan politik oleh pihak tentera
 II Mengawal laluan perdagangan
 III Kedudukan strategik
 IV Kebudayaan yang unggul
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 15 Sekiranya anda ingin mendapatkan pendidikan tahap kedua dalam Tamadun China, anda perlu belajar
 A menghafal tulisan
 B menterjemah buku suci
 C menulis karangan dan sajak
 D mempelajari etika upacara dan istiadat

- 16 Ajaran Konfusianisme terus kekal sehingga ke hari ini. Apakah karya terkenal beliau?
A *Analects*
B *The Mencius*
C *The Four Book*
D *The Great Learning*
- 17 Apakah maksud *jahala*?
A Mundur dalam aktiviti ekonomi dan perdagangan
B Tidak mempunyai nabi sebagai petunjuk
C Kehidupan berpuak-puak
D Suku bangsa Arab
- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW.

Surah al-Alaq (ayat 1 hingga 5)

Apakah kesan yang berlaku daripada penurunan wahyu tersebut?

- A** Perkembangan tamadun Islam
B Ramai orang memeluk Islam
C Nabi Muhammad SAW dilantik sebagai pesuruh Allah
D Penyebaran agama Islam oleh Nabi Muhammad SAW

- 19 Dakwah Islamiah secara terang-terangan telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW di
A Gua Hira'
B Gua Thur
C Madinah
D Bukit Safa
- 20 Apakah nilai yang diterapkan dalam Sistem Syura yang diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad SAW?
A Bersatu-padu
B Toleransi
C Kasih sayang
D Muafakat